

24/01/1999

Malaysia buktikan ramalan penganalisis pasaran meleset

Khaidir Abdul Majid

IMF sudah menjadi akronim yang tidak asing lagi sejak kegawatan ekonomi semasa tercetus pada pertengahan 1997. Kalau sebelum ini akronim itu hanya bermakna kepada masyarakat pasaran kewangan atau mereka yang berkaitan dengannya, ia kini menjadi sebutan semua lapisan masyarakat termasuk pekerja biasa.

Bagi kebanyakan kita di Malaysia, IMF atau Tabung Mata Wang Antarabangsa tidak memberi kesan ketara kepada kehidupan seharian.

Ini adalah kerana negara dapat bertahan daripada dipaksa menerima bantuan IMF, tidak seperti jiran kita Indonesia, Thailand dan negara serantau Korea Selatan.

Namun, jika kita imbas kembali pada Julai 1997 iaitu ketika tercetusnya krisis kewangan sekarang, Malaysia menjadi antara negara yang dijangka tidak dapat mengelak daripada mengambil bantuan IMF.

Ketika itu, banyak penganalisis pasaran antarabangsa membuat spekulasi bahawa Malaysia lambat laun akan mengikut jejak Indonesia dan Thailand.

Semua ramalan itu meleset. Sekarang, kita bukan saja membuktikan sebaliknya tetapi mengejutkan dunia dengan strategi drastik pemulihan ekonomi yang tidak dijangka langsung oleh masyarakat antarabangsa. Walaupun pada mulanya langkah kawalan berpilih tukaran mata wang yang diperkenalkan negara itu dikecam, ia kini terbukti berhasil memulihkan ekonomi dan sudah mula mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Alasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bertahan daripada menerima bantuan IMF, pada November 1997 lalu jika diteliti sekarang amat tepat. Ketika itu, Perdana Menteri menjelaskan masalahnya bukan untuk meminta bantuan IMF, tetapi syarat yang ditetapkan oleh tabung itu kepada negara penerima.

Ada tiga syarat utama bantuan IMF yang menjejaskan sesebuah negara penerima bantuan iaitu negara penerima dipaksa membuka pasaran kewangan, mesti mengamalkan regim kadar faedah yang tinggi dan meningkatkan cukai.

Semuanya ini tidak boleh diterima Malaysia, kerana syarat berkenaan hanya bermakna institusi kewangan asing akan berupaya mendapat wang mereka semula tetapi rakyat negara penerima sengsara.

Selepas hampir 18 bulan bertegas dengan syaratnya, IMF akhirnya mengakui kesila-pannya dalam menangani krisis sekarang. Dalam satu dokumen dalamannya yang membuat penilaian terhadap negara penerima bantuan, IMF berkata dasar kewangan ketat yang disyaratkannya tidak salah dan berupaya mencapai matlamat.

"Tetapi kita tidak boleh menafikan dasar berkenaan turut menjejaskan ekonomi," kata IMF dalam dokumen 147 halaman yang dikeluarkan Selasa lalu.

Bagi kebanyakan rakyat di negara penerima, pengakuan IMF itu tidak akan membawa apa-apa makna. Mereka tetap merana dan setiap hari terpaksa bergelut dengan realiti hidup yang amat membebankan.

Dasar kewangan IMF yang menjurus kepada kadar faedah yang tinggi, bagi kebanyakan rakyat di negara penerima, bermakna kehilangan pekerjaan manakala kenaikan harga barang dan bagi peniaga kecil pula, terpaksa menggulung tikar.

Namun IMF dalam dokumen yang baru dikeluarkannya itu, tetap mempertahankan teras dasar kewangan ketatnya.

Menurutnya salah satu daripada teras dasar itu, iaitu regim kadar faedah yang tinggi diperlukan untuk menyekat nilai mata wang negara terbabit daripada terus menjunam.

Apa sekalipun kata IMF, hakikatnya sekarang selepas AS\$181 bilion (RM687 bilion) dibelanjakan untuk menyelamatkan ekonomi Indonesia, Thailand, Korea Selatan, Russia dan yang terbaru Brazil, IMF masih gagal menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi oleh pasaran kewangan dunia.

Usaha menyelamatkan IMF dirangka untuk melicinkan perjalanan pasaran kewangan dunia dan mempertahankannya daripada terjejas oleh krisis dan panik.

Bagaimanapun, jika kita mengimbau kembali usaha menyelamatkan ini sejak 1997, tidak banyak hasil yang dapat ditunjukkan. Usaha pertama pada tahun itu ialah pakej penyelamat AS\$17 bilion (RM64.6 bilion) untuk Thailand.

Apabila krisis kewangan Thailand itu mengancam untuk merebak, IMF menghulurkan pakej penyelamat AS\$43 bilion (RM163.4 bilion) kepada Indonesia.

Seterusnya, bagi benar-benar menghalangnya untuk terus merebak, badan kewangan antarabangsa itu memberi pinjaman AS\$57 bilion (RM216.6 bilion) kepada Korea Selatan.

Hampir genap setahun selepas usaha membendung krisisnya bermula di Thailand, pada Julai tahun lalu, IMF terpaksa pula "menyelamatkan pasaran dunia" dengan menghulurkan bantuan AS\$22.8 bilion (RM86.6 bilion) kepada Russia. Kemudian baru-baru ini ia terpaksa bertindak sekali lagi untuk menyelamatkan dunia kerana Brazil pula memerlukan bantuan AS\$41.5 bilion (RM157.7 bilion).

Selepas menggunakan wang sumbangan ahlinya itu yang begitu besar, IMF masih lagi tidak mampu mengisytiharkan bahawa ia sudah berjaya menyelamatkan dunia daripada krisis kewangan semasa.

Sebaliknya keadaan di negara penerima lebih menyulitkan lagi. Sebagai contoh pada masa ini, pasaran kewangan Brazil agak goyah, mata wang Russia ruble hampir tidak bernilai dan kedudukan kewangan dan sosial Indonesia masih terancam. Hanya Thailand dan Korea Selatan boleh dikatakan menunjukkan perkembangan ke arah pemulihan tetapi masih goyah.

Laporan penilaian usaha menyelamatkan yang dikeluarkan IMF Selasa lalu mengakui badan kewangan antarabangsa itu mungkin terkurang anggar masalah yang dihadapi oleh negara yang terjejas oleh krisis sekarang.

Menurutnya, IMF juga mungkin gagal untuk mendefinisikan dengan jelas pakej reformasi yang disyaratkannya ke atas negara penerima.

Laporan itu berkata, sesetengah pengarah IMF kini berpendapat pakej penyelamat untuk Thailand, Indonesia dan Korea Selatan mungkin terlalu banyak mengandungi langkah reformasi.

Apa pun yang dikatakan sekarang, hakikatnya kata-kata itu saja tidak mungkin mampu melegakan kesengsaraan yang menimpa lebih 200 juta rakyat Indonesia dan ratusan juta lagi di seluruh dunia yang terpaksa menghadapi paras kehidupan yang lebih rendah, semata-mata kerana IMF gagal menangani masalah sebenar yang dihadapi oleh pasaran kewangan dunia.

Institusi yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua itu, kini perlu menyakinkan dunia bahawa ia masih mempunyai fungsi dalam sistem kewangan dunia.

Selepas sistem Bretton Woods (sistem yang menetapkan kadar tukaran mata wang di kalangan negara perindustrian) terkubur pada 1971, IMF berupaya mencipta fungsi baru untuk dirinya, iaitu sebagai pengurus kewangan ekonomi dunia. Tetapi kini, selepas terbukti tidak berjaya dengan tugas itu, mungkin ia perlu sekali lagi mencari fungsi lain.

Setidak-tidaknya, pengarah urusannya Michel Camdessus meniru telatah sesetengah pekerja di negara penerima bantuan IMF dengan membawa sepanduk I'M Fired (IMF) atau saya dipecat.

(END)